

# 'Bunyamin sedar melakukan kesalahan'

18 AUG 2002

GEORGETOWN: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata bekas Ahli Parlimen Bachok, Bunyamin Yaakob kini menjadi orang pelarian kerana sedar dia sudah melakukan kesalahan.

"Bunyamin takut ditangkap polis. Dia takut kerana dia tahu dia sudah melakukan kesalahan (memfitnah Perdana Menteri)," katanya.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, Bunyamin melarikan diri kerana dia takut ditangkap.

"Dia melarikan diri untuk mengelak daripada ditahan. Ini menunjukkan dia sudah takut... dan bimbang ditangkap polis," katanya selepas menyampaikan ucapan ketika merasmikan Forum Keluarga Bahgia Nadi Kesejahteraan Negara di Dewan Budaya, Universiti Sains Malaysia, di sini, semalam.

Abdullah diminta mengulas 'kehilangan' Bunyamin selepas mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan cucunya menonton video lucu.

Kelmarin di Terengganu, Dr Mahathir berkata, tindakan Bunyamin menyembunyikan diri apabila dipanggil polis untuk memberi keterangan, sebagai bukti dia bersalah.

Sehubungan itu, Bunyamin turut menolak gesaan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang memintanya tampil secara sukarela untuk memberi kenyataan bagi menghantu siasatan polis.